

**KOMPILASI PELUKIS-PELUKIS MODEN MALAYSIA  
DEKAD 80AN DAN 90AN**

Ahmad Rashidi Bin Hasan (M.A. Art and Design Ed.)  
Prof. Madya Dr. Mulyadi Mohamood (Phd. Art History)  
Shahrul Azman Dato' Shahabudin (M.A. Grafik Design)  
Darus Bin Kassim (BAD Textile Design)

Unit Penyelidikan dan Perundingan  
Universiti Teknologi MARA  
Kampus Alor Gajah  
Melaka

September 2001

## **ABSTRAK**

**Tajuk:** Kompilasi Pelukis-Pelukis Moden Malaysia Dekad 80an dan 90an.  
**Penyelidik:** Ahmad Rashidi bin Hasan (M.A. Art & Design Ed.,)  
Prof. Madya Dr. Mulyadi Mohamood (Phd. Art History)  
Shahrul Azman Shahbudin (M.A. Graphic Design)  
Darus Kassim (BAD. Textile Design)

**Masalah Penyelidikan:** Penyelidikan ini dibuat berhasrat untuk mengumpulkan sebanyak maklumat yang mungkin tentang pelukis-pelukis moden Malaysia yang bergiat aktif sepanjang dekad 80an dan 90an lalu. Pengumpulan maklumat ini adalah penting dipandang dari sudut perkembangan sejarah seni lukis moden Malaysia kerana segala perkembangan seni lukis yang berlaku hari ini akan menjadi sejarah seni lukis negara pada masa akan datang. Penyelidikan ini bertumpu untuk mendokumenkan maklumat tentang pelukis serta karya dan pengkaryaan mereka dan memberi gambaran umum tentang perkembangan seni lukis di Malaysia.

**Kepentingan Penyelidikan:** Penulisan tentang pelukis-pelukis moden Malaysia hari ini terlalu sedikit dibuat dalam bentuk penulisan ilmiah. Kebanyakan penulisan dibuat dalam bentuk penulisan makalah yang dibuat untuk tujuan penerbitan akhbar dan majalah. Oleh itu kebanyakan penulisan adalah bersifat penulisan kewartawanan. Dalam usaha untuk membawa masyarakat mendekati dunia seni lukis, penulisan yang berbentuk ilmiah yang komprehensif adalah sangat perlu untuk dijadikan rujukan masyarakat dan juga mereka yang berkecimpung dalam persada seni lukis itu sendiri seperti pensyarah, penulis mahupun pensyarah IPTA dan IPTS.

**Metodologi Penyelidikan:** Penyelidikan ini adalah pendokumentasian maklumat tentang pelukis di Malaysia yang bergiat aktif pada dekad 80an dan 90an ini. Seramai 30 orang pelukis telah dipilih berdasarkan karya, populariti, idea dan sumbangan mereka terhadap persada seni lukis. Pemilihan ini juga bergantung kepada nama-nama yang disenarai cadangkan oleh pihak Balai Seni Lukis Negara. Hanya 22 orang pelukis sahaja yang memberi respons dalam jangka waktu yang diberi. Maklumat yang diberi dibuat analisis dalam aspek falsafah dan idea, subjek dan imej atau citra, bentuk, bahan dan media yang digunakan serta gaya dan ciri karya yang dianuti oleh pelukis.

**Rumusan dan Cadangan:** Perkembangan seni lukis di Malaysia dalam dua dekad ini didapati sangat menggalakkan berdasarkan jumlah bilangan pelukis yang lahir, bilangan pameran yang diadakan dan anugerah yang diterima oleh pelukis Malaysia. Persada seni lukis Malaysia berada dalam era Pluralisme dan sudah terdapat tanda-tanda idea dan gaya pasca-moden dalam perkembangan ini. Kesedaran terhadap memanifestasikan wajah dan pemikiran Malaysia dalam karya adalah sangat tinggi. Pelukis-pelukis Melayu juga didapati berusaha menampilkan ciri keIslaman dalam karya mereka dalam bentuk yang tersendiri. Walau bagaimana pun, ini hanya sebahagian dapatan awal sahaja. Untuk memperoleh perkembangan yang lebih mendalam lebih banyak pelukis perlu dikaji. Oleh itu adalah dicadangkan supaya kajian seperti ini teruskan bagi mengumpul lebih banyak maklumat berkenaan dengan pelukis Moden Malaysia

## **Penghargaan**

Kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka yang telah banyak membantu dalam usaha menyiapkan penyelidikan ini.

Ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Dr. Mohd. Tahir Abdul Hamid, Provos, Universiti Teknologi MARA, Kampus Alor Gajah, Profesor Dr. Abdul Shukor Bin Hashim, Bekas Dekan, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam dan juga Profesor Madya Mohd. Sharif Mustapha, Dekan, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor kerana memberi kami peluang dan sokongan untuk menjalankan dan menyiapkan penyelidikan ini.

Terima kasih kami kepada Profesor Madya Hj. Nasir Nordin, Timbalan Provos, IHEA, UiTM, Kampus Alor Gajah yang tidak berhenti-henti memberi galakan dan dorongan untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Terima kasih juga Profesor Madya Dr. Abd. Halim Mohd. Noor, Ketua Unit Unit Penyelidikan dan Perundaingan, UiTM, Kampus Alor Gajah, Melaka dan juga Pn. Mazita, Bekas Ketua Unit Penyelidikan dan Perundingan (UPP), UiTM, Kampus Alor Gajah di atas segala bantuan dan tunjuk ajar serta menunjukkan kami peluang untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Kepada Unit Komputer, UiTM, Kampus Alor Gajah kami rakamkan ucapan terima kasih di atas bantuan teknikal dan meminjam alat perkomputeran bagi menjayakan penyelidikan ini.

Tidak ketinggalan kepada pensyarah-pensyarah Program Seni Lukis dan Seni Reka (Grafik), UiTM, Kampus Alor Gajah di atas segala bantuan dan pertolongan dan juga pelajar-pelajar Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Kampus Alor Gajah, Melaka (03 Sesi Jun 1999 dan 03 Sesi Nov. 1999) yang telah banyak membantu mencari dan mengumpul data pelukis yang terlibat.

Terima kasih.

## **Isi Kandung**

Penghargaan	i
Isi kandung	iii
Senarai Ilustrasi	iv
<b>Bab 1 Pengenalan</b>	<b>1</b>
1.2 Objektif dan Masalah Penyelidikan	3
1.3 Kesignifikanan Penyelidikan	6
1.4 Kaedah dan Metodologi Penyelidikan	7
1.5 Terma dan Takrifan	9
1.6 Penutup	11
<b>Bab 2 Latar Belakang Seni Lukis Moden Malaysia</b>	<b>13</b>
2.1 Modernisme	14
2.2 Kelahiran Seni Lukis Moden di Malaysia	16
<b>Bab 3 Analisis Data</b>	<b>34</b>
3.1 Amron Omar	36
3.2 Abdul Ghani Ahmad	49
3.3 Radzi Bedu	64
3.4 Awang Damit Ahmad	80
3.5 Yusof Ghani	96
3.6 Ahmad Shukri	111
3.7 Juhari Said	130
3.8 Raja Shahrizan	143
3.9 Fauzin	156
3.10 Samjis	172
3.11 Aza Osman	184
3.12 Amirudin Arifin	199
3.13 Ajis Mohamad	212
3.14 Hamdan Shaarani	228
3.15 Zaim Durulaman	242
3.16 Norizan Hj. Muslim	255
3.17 Baharom Abd. Rahman	266
3.18 Azahar Manan	279
3.19 Maamor Jantan	292
3.20 Din Omar	304
3.21 Zainon	320
3.22 Roslizham Ismail	342
<b>Bab IV Penemuan, Rumusan dan Cadangan</b>	<b>355</b>
Bibliografi	362